

19 SEP 1998

Mohamed-Anwar

ANWAR TIADA HAK CABAR PM LETAK JAWATAN, KATA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tiada hak untuk mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meletakkan jawatannya kerana keputusan itu adalah hak rakyat, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini.

Beliau berkata Umno telah memberi mandat besar kepada Perdana Menteri selaku Presiden parti.

"Apa yang dikatakannya (Anwar) adalah hak peribadi dia tetapi selagi anggota parti masih yakin dan menyokong Presiden parti, hak itu tidak boleh diambil oleh orang lain...hak itu memang ada pada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila diminta mengulas kenyataan Anwar di Terengganu semalam yang mencabar Dr Mahathir supaya meletakkan jawatan sekiranya sudah tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

Mohamed ditemui selepas melakukan lawatan empat jam ke Tele Multimedia Communication Station, Kumpulan Sub Tek (Polis Diraja Malaysia, Smart dan Jabatan Bomba dan Penyelamat), Stadium Utama dan Zon Antarabangsa di Bukit Jalil di sini.

Mohamed, yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional, berkata sokongan rakyat dan anggota parti terhadap Perdana Menteri adalah besar serta teguh dan walaupun terdapat cabaran, sokongan itu tidak akan berubah.

"Tunggulah pilihan raya akan datang sama ada harapan beliau (Anwar) agar Perdana Menteri letak jawatan akan diterima atau tidak oleh rakyat," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan parti mahu Dr Mahathir terus memikul tanggungjawab itu sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri.

"Bagi saya, Perdana Menteri perlu ada di tempatnya dan kita berdoa kepada tuhan agar beliau sihat dan berupaya untuk menyelesaikan tugasnya bagi mencapai matlamat bangsa," katanya.

-- BERNAMA

ZAI khy